



**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BILANGAN : 7 / 2011

Kepada yang berkenaan;

**RANGKAIAN PERKHIDMATAN DI BAWAH
INISIATIF MEMPERMUDAH MEMULAKAN PERNIAGAAN
(EASE OF DOING BUSINESS)**

Dengan sukacita dimaklumkan bahawa bagi meningkatkan perkhidmatan pelanggan dan menjana iklim perniagaan yang lebih kondusif, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan mulai **Khamis, 10 Mac 2011** akan memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk memulakan perniagaan di mana para pelanggan hanya perlu mengemukakan permohonan berikut secara serentak di satu kaunter:-


- i) Permohonan mendapatkan kebenaran menggunakan bangunan (occupational permit) atau menggunakan ubahsuai / tambahan (certificate fitness);
- ii) Permohonan mendapatkan lesen perniagaan baru atau membaharui lesen perniagaan dan
- iii) Permohonan mendapatkan kebenaran membuat dan memasang papan tanda perniagaan.

Borang-borang permohonan bolehlah didapatkan di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan Bahagian Kewangan, Tingkat 3** dan permohonan-permohonan dibuat di **Kaunter Perkhidmatan Pelanggan, Tingkat 2, Bahagian Perlesenan, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan.**

Bagi maklumat lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi pegawai-pegawai di Unit Perlesenan Tingkat 2, Bangunan Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Kumbang Pasang atau Unit Kawalan Bangunan dan Pembinaan Bandar, Tingkat 6, Bangunan Pusat Komersial dan Pedagangan Bumiputera, Jalan Cator Bandar Seri Begawan.

Sekian disampaikan bagi perhatian dan maklumat mengenai nya.

*"Keluarga Harmoni Asas Masyarakat Terpuji"
"Bersama Kita Cemerlangkan Bandar Seri Begawan"*

 9/3/2011

(MOHAMMAD RAMLI BIN HAJI ZULKIFLI)

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan

Rujukan : MB/29/99
Tarikh : 4 Rabiulakhir 1432 / 9 Mac 2011